

KARNIVAL RAKYAT 1 MALAYSIA SEMPERA LAWATAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2911-karnival-rakyat-1-malaysia-sempena-lawatan-yab-perdana-menteri-malaysia

LABUAN, 18 Jan 18 - Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah melancarkan Labuan Development Blueprint 2018-2030 pada majlis hari ini.

Panglima Markas Wilayah Udara 2, YBhg Mej Jen Dato' Hj Shabreh bin Hj Hussein TUDM bersama Komander Pangkalan Udara Labuan, YBhg Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM telah hadir untuk menyaksikan perasmian Labuan Development Blueprint 2018-2030 di Dataran Labuan.

Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan seluruh warga WP Labuan telah menyaksikan penyerahan surat lantikan Konsultan Pembinaan Jambatan yang menghubungkan diantara Labuan dan Menumbok di Sabah oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor.

Turut diadakan cabutan bertuah yang menawarkan hadiah berupa sebuah kereta Perodua Axia, tiga buah motosikal, 10 buah telefon pintar, 4 buah enjin sangkut dan 50 cabutan untuk hadiah tambahan.

